

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PENGUMUMAN KEPUTUSAN
PEMILIHAN JAWATANKUASA PERWAKILAN
PELAJAR
UiTM CAWANGAN SELANGOR SESI 2025/2026**

**13 NOVEMBER 2025 | KHAMIS | 8.00 MALAM
DEWAN KULIAH 500
FAKULTI FARMASI
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN

WASOLATU WASALAMU ALA

ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN

WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni dan Keusahawanan (iCARE),
Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM cawangan selangor

Saudari Nurul Athirah Adiana Zulmizam

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Jawatankuasa
Perwakilan Pelajar (JPJPP)
UiTM Cawangan Selangor Sesi 2025/2026

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Barisan Dekan Fakulti

Barisan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) Fakulti

Barisan CARETAKER Majlis Perwakilan Pelajar sesi
2024/2025 UiTM Cawangan Selangor

Barisan Calon Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Sesi
2025/2026

Seterusnya, Mahasiswa UiTM Cawangan Selangor
Yang Dikasihi Sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita berkumpul pada malam ini di **Majlis Pengumuman Keputusan Pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi Sesi 2025/2026.**

2. InsyaAllah pada malam ini, kita bakal mengetahui barisan perwakilan pelajar yang akan mewakili **24 kerusi** fakulti di UiTM Cawangan Selangor dan sekaligus menyaksikan tertubuhnya Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor yang ke-3.

3. Saya difahamkan, pemilihan JPP kali ini telah melibatkan **35 orang calon;**

- i. 26 orang calon dari Kampus Puncak Alam,
- ii. 7 orang calon dari Kampus Puncak Perdana
- iii. 4 orang calon dari Kampus Sungai Buloh
(menang tanpa bertanding).

4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kesemua calon yang telah terpilih untuk menyertai pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) sesi 2025/2026.

Mahasiswa yang dikasihi sekalian,

5. Saya percaya bahawa setiap daripada anda mempunyai semangat dan visi untuk memimpin komuniti pelajar ke arah kecemerlangan.

6. Kepada semua calon, suka untuk saya katakan bahawa anda semua adalah calon-calon yang hebat.

7. Apa jua keputusan pada malam ini, janganlah sesekali berasa kecewa.

8. Kepada calon yang menang pula, mewakili pihak pengurusan UiTM Cawangan Selangor, saya ingin

menitipkan pesan agar anda semua menggalas tanggungjawab dan amanah yang bakal dipikul dengan penuh keazaman dan integriti.

9. Ini juga turut dikatakan oleh Imam Al-Ghazali –
“Yang paling berat di dunia ini adalah memegang amanah.”

10. Pemilihan anda ke dalam JPP adalah satu pengiktirafan atas keupayaan dan potensi yang anda miliki.

11. Sekiranya terpilih, ketahuilah bahawa anda telah diberikan mandat dan amanah untuk menggalas tanggungjawab besar dalam memperjuangkan suara rakan-rakan pelajar yang telah menaruh kepercayaan dan harapan terhadap anda.

12. Saya berharap anda dapat memanfaatkan peluang

ini untuk menimba pengalaman dalam kepemimpinan, mengasah kemahiran komunikasi, dan meluaskan jaringan sosial, agar membentuk anda menjadi pemimpin yang matang dan berwibawa.

13. Selain itu, saya ingin menekankan pentingnya kolaborasi erat dan komunikasi yang baik antara pihak JPP dan pengurusan universiti.

14. Saya nasihatkan anda untuk sentiasa bertanya dan merujuk kepada pihak-pihak yang sepatutnya agar dapat menghindarkan sebarang polemik atau kesalahfahaman.

15. Sentiasalah bersikap terbuka terhadap setiap cabaran yang mendatang, berkhidmat dengan penuh dedikasi, dan sentiasa memegang prinsip kesaksamaan serta keadilan dalam setiap keputusan dibuat.

16. Jadikanlah JPP sebagai saluran yang efektif untuk menyampaikan aspirasi dan harapan rakan-rakan anda, serta membantu membentuk suasana kampus yang inklusif dan kondusif untuk semua.

17. Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada anda semua dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan.

18. Semoga penglibatan anda dalam JPP ini akan menjadi satu pengalaman yang membina dan bermanfaat, serta dapat memberikan impak positif kepada UiTM Cawangan Selangor.

19. Dengan ini, izinkan saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

Air jernih mengalir ke muara,
Riak mengusik tebing kali;
Pemimpin adil disanjung warga,
Memberi khidmat sepenuh hati.

Malam indah bulan bercahaya
Angin sepoi meniup halaman;
Jadilah pemimpin berhati mulia,
Membimbing rakan dengan keikhlasan.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**